

USUL TAFSIR AL-QURAN – SESI 3 – USUL NO 3 – TAFSIR AL-QURAN DENGAN PENDAPAT-PENDAPAT SAHABAT



<https://youtu.be/s4OSyIbnIVQ>

VIDEO – [Durasi 44m 59s] – Sesi 3 – Usul No 3 – Tafsir Al-Quran Dengan Pendapat-pendapat Sahabat

USUL TAFSIR AL-QURAN – USUL NO 3 – TAFSIR AL-QURAN DENGAN PENDAPAT-PENDAPAT SAHABAT

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:16](#) : Tafsir Al-Quran Berdasarkan Pendapat-pendapat Sahabat Nabi s.a.w
- 2- [03:57](#) : Maksud Atsar Sahabat
- 3- [05:20](#) : Bahasa Al-Quran Adalah Bahasa Mereka (Sahabat-sahabat)
- 4- [06:04](#) : Sahabat-sahabat Mengetahui Dan Memahami Latar Belakang Ayat-ayat Al-Quran Yang Diturunkan Kepada Nabi s.a.w
- 5- [07:39](#) : Sahabat-sahabat Mempelajari Al-Quran Dan Makna-Maknanya Dengan Nabi s.a.w Sendiri
- 6- [09:01](#) : Sahabat-sahabat Sangat Cermat Dalam Mentafsirkan Al-Quran
- 7- [09:52](#) : Perbezaan Pendapat Dalam Mentafsirkan Sesuatu Ayat Berlaku Juga Di Kalangan Sahabat-sahabat, Tetapi Biasanya Hanya Pada Lafaz Sahaja
- 08- [10:58](#) : Jalan Penyelesaian Jika Berlaku Perselisihan Pendapat Di Kalangan Sahabat Dalam Mentafsirkan Al-Quran Ialah Dengan Memilih Dan Mentarjihkan Pendapat Yang Lebih Kuat
- 09- [14:36](#) : Ijmak Sahabat Merupakan Hujjah Dalam Syariat
- 10- [15:41](#) : Kedudukan Sahabat Nabi s.a.w Bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah

NOTA KULIAH – MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

[NOTA USUL TAFSIR – SESI 3 – Ringkasan Usul Tafsir al-Quran – Usul 1 hingga 6](#)

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/nota-1-tafsir-al-quran-1-13-usul-1-6.pdf>]

NOTA RINGKAS

USUL TAFSIR AL-QURAN – TAFSIR AL-QURAN DENGAN PENDAPAT-PENDAPAT SAHABAT

Sesi 3 – Tafsir Al-Quran Dengan Pendapat-pendapat Sahabat

3. Tafsir Al-Qur'an Dengan Atsar Sahabat

Usul ketiga ialah mentafsir al-Qur'an dengan atsar atau pendapat-pendapat Sahabat khususnya "Abdullah bin Mas'ud r.a. (m.32H) dan 'Abdullah bin 'Abbaas r.a (m.68H). Sebelum mentafsirkan al-Qur'an dengan pendapat-pendapat Sahabat, seseorang pentafsir hendaklah terlebih dahulu melihat al-Qur'an sendiri, apakah ada tafsiran terhadap sesuatu yang hendak ditafsirkan di dalamnya atau tiada. Kalau ada, maka tafsiran al-Qur'anlah yang seharusnya dipakai. Kalau tidak ada, maka perlu pula dicari tafsirannya di dalam hadits. Kalau ada tafsirannya di dalam hadits, maka itulah seharusnya dipakai. Setelah tidak didapati tafsirannya di dalam hadits, barulah dicari tafsirannya di dalam atsar (kata-kata atau pendapat-pendapat) Sahabat. Demikianlah tertib yang betul pentafsiran al-Qur'an.

Atsar Sahabat diguna pakai dalam mentafsir al-Qur'an kerana sebab-sebab berikut:

- (a) Bahasa al-Qur'an adalah bahasa mereka.
- (b) Mereka mengetahui dan memahami latar belakang ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w.
- (c) Mereka mempelajari al-Qur'an dan ma'na-ma'nanya dengan Rasulullah s.a.w sendiri.
- (d) Mereka sangat cermat dalam mentafsir al-Qur'an. Perbezaan pendapat dalam mentafsir sesuatu ayat berlaku juga di kalangan Sahabat, tetapi biasanya hanya pada lafaz sahaja. Adapun perbezaan pada ma'na, maka itu sesuatu yang jarang berlaku.
- (e) Ada jalan penyelesaian yang terang jika berlaku perselisihan pendapat dikalangan Sahabat dalam mentafsir al-Qur'an. Dalam keadaan itu pendapat yang lebih kuat harus dipilih dan ditarjihkan. Dimaksudkan dengan pendapat yang lebih kuat ialah yang lebih dekat dan sesuai dengan al-Qur'an dan hadits yang dinukilkan dengan sanad yang lebih sahih.
- (f) Ijma' mereka merupakan hujah dalam syar'at.

Antara peribadi yang terkenal sebagai imam dalam tafsir al-Qur'an di kalangan Sahabat ialah 10 orang berikut :

- (1.) Saiyyidina Abu Bakar as-Shiddiq r.a
- (2.) Saiyyidina 'Umar r.a.
- (3.) Saiyyidina 'Utsman r.a.
- (4.) Saiyyidina 'Ali r.a.
- (5.) Saiyyidina 'Abdullah Bin Ma'sud r.a.
- (6.) Saiyyidina 'Abdullah bin 'Abbaas r.a
- (7.) Saiyyidina Ubai bin Ka'ab r.a

(8.) Saiyyidina Zaid bin Tsabit r.a.

(9.) Saiyyidina Abu Musa al-Asy'ari r.a.

(10.) Saiyyidina 'Abdullah Bin Zubair r.a.

Antara contoh tafsir al-Qur'an dengan atsar Sahabat ialah tafsiran Ibnu Mas'ud terhadap rangkai kata yang tersebut di dalam ayat 6 Surah Luqman. Untuk menguatkan pendapat beliau, sebanyak tiga kali diulanginya kata-kata ini: Bermaksud Ia demi Allah adalah lagu-lagu. (Atsar riwayat Ibnu Abi Syaibah, Ibnu Jarir, Haakim dan Baihaqi).